(a) Submission of legal document can be sent by pre-paid registered post to the submission address of the parties concerned and such submission shall be deemed as complete after five (5) working days from the date it was posted (unless there is evidence to the contrary) and if it submitted by hand at the time it is delivered, the acceptance should be acknowledged.
(b) Any change of address will not be affective or bind the Bank unless the Customer has given a written notice to notify the Bank on the change of address and duly accepted by the Bank.

19.0 Penyerahan dokumen guaman (service of legal process)

(a) Penyerahan dokumen guaman boleh dihantar secara pos berdaftar pra-bayar ke alamat penyerahan pihak-pihak berkenaan dan penyerahan tersebut dianggap telah sempurna selepas lima (5) hari bekerja dari tarikh ianya diposkan (melainkan terdapat bukti sebaliknya) dan sekiranya diserahkan secara serahan tangan pada masa ianya diserah serta diakui penerimaannya.
(b) Sebarang perubahan alamat penyerahan tidak berkesan atau mengikat pihak Bank kecuali Pelanggan telah memberi notis pertukaran alamat dan diterima oleh pihak Bank.

20.0 Lien and Other Collateral

Nothing contained in the Letter of Offer and/or Letter of Intent shall prejudice any lien where the Bank has the right or any security where the Bank may at any time or from time to time holding to or on credit for any money owed and anything contained in this letter combined or prejudice any bills, notes, guarantees, mortgages, or any other securities which are owned by the Bank for any money owed or any right or remedy of the Bank.

20.0 Lien dan lain-lain Cagaran

Tiada apa yang terkandung dalam Surat Tawaran dan/atau Surat Niat akan memprejudis mana-mana lien atau apa-apa sekuriti yang mana pihak Bank pegang sebagai jaminan wang terhutang dan apa-apa yang terkandung di dalam surat ini menggabungkan atau memprejudis mana-mana bil, nota, jaminan, gadai janji atau lain lain cagaran yang mana dipunyai oleh pihak Bank pada masa ini bagi mana-mana wang terhutang atau hak dan remedi pihak Bank.

21.0 Other Conditions

(a) The Customer is required to open account with the Bank.
(b) This Financing is for personal use and does not contravene with Shariah principle.
(c) The Customer is encouraged to take Group *Takaful* Credit with any *Takaful* company accepted by the Bank and the *Takaful* proposal must be forward to the Bank.
(d) The Customer is responsible and obligated to make Sale Price Payment to the Bank at the appointed time and any failure of any third party to issue the payment does not prevent the Bank from exercising its right to demand the Sale Price Payment from the Customer.
(e) Any time is stated to be the essence of the Letter of Offer and/or Letter of Intent.
(f) The Letter of Agency Appointment (*Wakalah*) and other relevant Appendices (if any) are part of the Letter of Offer and/or Letter of Intent.
(g) Subject to Shariah principles and a prior notice, the Bank has the right to add any terms and conditions that are considered appropriate.
(h) The Letter of Offer and/or Letter of Intent and its terms are governed by the relevant laws of Malaysia.
(i) The Letter of Offer and/or Letter of Intent binds the Customer (including the heirs and personal

21.0 Syarat-syarat lain

(a) Pelanggan dikehendaki membuka Akaun dengan pihak Bank.
(b) Pembiayaan ini adalah untuk kegunaan persendirian pelanggan yang tidak bertentangan dengan Syariah.
(c) Pelanggan digalakkan mengambil *Takaful* Kredit Berkumpulan dengan mana-mana syarikat *Takaful* yang diterima oleh pihak Bank dan cadangan *Takaful* mestilah dimajukan kepada pihak Bank.
(d) Pelanggan adalah bertanggungjawab dan berkewajipan untuk membuat Pembayaran Harga Jualan kepada pihak Bank pada masa yang telah ditetapkan dan kegagalan mana-mana pihak ketiga untuk menyalurkan pembayaran tersebut tidak menghalang pihak Bank dari melaksanakan hak-haknya untuk menuntut pembayaran Harga Jualan tersebut dari pihak pelanggan.
(e) Masa bila-bila masa dinyatakan menjadi intipati Surat Tawaran dan/atau Surat Niat.
(f) Surat Perlantikan Agensi (*Wakalah*) dan Lampiran lain yang berkaitan (jika ada) adalah sebahagian dari Surat Tawaran dan/atau Surat Niat.
(g) Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah dan notis dahuluan, pihak Bank berhak menambah apa-apa terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai.
(h) Surat Tawaran dan/atau Surat Niat dan Terma-termanya dikuasai oleh undang-undang Malaysia yang berkaitan.
(i) Surat Tawaran, dan/atau Surat Niat ini mengikat pihak Pelanggan (termasuk waris-waris dan wakil-wakil sah) dan

representatives) and the Bank (including its successors and permitted assigns).

(j) The Bank will notify you at least twenty one (21) calendar days before the effective date of implementation if there are any changes in the terms and conditions or fees and charges.

(k) The Customer agrees that the Bank has the right at any time to transfer, sell, or surrender all or a part of its rights, stakes, interests, ownership rights or obligations under the Letter of Offer and/or Letter of Intent to third parties including debt collectors and others. The Customer is not allowed to transfer or surrender rights on any interests, ownership rights or obligations of the Bank under the Letter of Offer and/or Letter of Intent without prior authorisation of the Bank.

(l) All parties are expected to understand and comply with the Malaysia Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). The Bank reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof.

(m) Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before applying for the Facility.

(n) By applying for the Facility, the Customer are deemed to have read, understood and agree to be bound by these Terms & Conditions.

(o) The Bank does not appoint or authorise any third party to act as an agent to facilitate financing application. For the avoidance of doubt, the Bank is not liable for any losses or damages whatsoever suffered or incurred by the Customer as a direct and indirect result of the act of Customer in appointing the agent or third party to facilitate financing application.

22.0 Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA) and Common Reporting Standard (CRS)

During the term of this Facility, the Customer hereby agrees that the Bank may: -

(a) Report your information to the authorities related to FATCA and/or CRS requirements that can be set by the laws, rules, agreements or regulatory guidelines or directives;

(b) Withdraw your account to a certain amount as per FATCA and/or CRS requirements as may be prescribed by the applicable law, rules, agreements or applicable guidelines or directives; and

(c) Describe you as a problem account holder or net foreign financial institution (NFFI) and/or suspend or terminate the account provided to you, if you fail to provide information and/or accurate and/or complete documentations as required by the Bank.

pihak Bank (termasuk pengganti hak dan penerima serah hak).

(j) Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh perlaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam terma dan syarat atau fi dan caj.

(k) Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk memindahkan, menjual, menyerah hak kesemua atau sebahagian hak-hak, kepentingan, faedah, hak milik atau obligasi Bank dibawah Surat Tawaran dan/atau Surat Niat ini kepada pihak ketiga seperti kepada pihak pemungut kutipan hutang dan sebagainya. Pihak Pelanggan tidak dibenarkan untuk memindah atau menyerah hak mana-mana kepentingan faedah, hak milik atau obligasi Bank dibawah Surat Tawaran dan/atau Surat Niat ini tanpa kebenaran awalan pihak Bank

(l) Semua pihak perlu memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan). Bank berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk menghentikan transaksi ini.

(m) Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan syarat ini sebelum memohon Kemudahan.

(n) Dengan memohon kemudahan ini, Pelanggan dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk diikat dengan Terma dan Syarat.

(o) Pihak Bank tidak melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk bertindak sebagai wakil untuk memudah cara permohonan pembiayaan. Untuk mengelakkan keraguan, pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan Pelanggan dalam melantik wakil atau pihak ketiga untuk memudah cara permohonan pembiayaan.

22.0 Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”) dan Standard Laporan Biasa (“CRS”)

Sepanjang tempoh Kemudahan ini, Pelanggan bersetuju dan berakujanji bahawa :-

(a) Melaporkan maklumat Pelanggan kepada pihak berkuasa yang berkaitan mengikut keperluan FATCA dan/atau CRS sebagaiamana yang boleh ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan peraturan atau arahan;

(b) Menahan daripada akaun Pelanggan pada amaun tertentu mengikut keperluan FATCA dan/atau CRS sebagaiman boleh ditetapkan oleh undang-undang yang boleh digunapakai, peraturan, perjanjian atau garis panduan peratuaran atau arahan yang terpakai; dan

(c) Mengklafikasikan Pelanggan sebagai pemegang akaun yang bermasalah atau bukan peserta institusi kewangan asing (“NFFI”) dan/atau menggantung atau menamatkan akaun yang diberikan kepada Pelanggan, sekiranya Pelanggan gagal untuk menyediakan maklumat dan/atau dokumentasi yang tepat dan/atau lengkap sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Bank.

(d) In addition to the above matters, you hereby promise to give written notice to the Bank in thirty (30) calendar days, in the event of any changes in the information provided to the Bank.

23.0 Privilege to the Agreement

The Customer hereby acknowledges, agrees and verifies regardless of anything contained in any agreement/contract including but not limited to the sale and purchase agreement for the sale and purchase of movable and immovable property signed between you and the seller or any third party where the Bank has no privilege to the agreement/contract and has no responsibility in whatsoever to enforce the terms or conditions of the agreement/contract regardless of whether the Bank has been notified the terms or conditions, and the Bank shall not responsible in any way to you or any other party due to the Bank's refusal or failure to comply with such terms or conditions

24.0 Anti-Money Laundering, Prevention of Terrorism Financing and Proceeds from Illegal Activities Act 2001
During the duration of the Facility, you promise that you will not:-

(i) Involve in, directly or indirectly, in transaction involving proceed of any illegal activity;

(ii) Acquire, receive, own, hide, transfer, alter, change, transmit, delete, use, divert from or bring into Malaysia proceeds from any illegal activity;

(iii) Hide or prevent the formation of real properties, sources, locations, movements, disposition, title, related rights, or ownership of, result of any illegal activities.

25.0 Disclosure of Customer Information and Personal Data under the Islamic Financial Services Act 2013 ("IFSA") and Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA")
The Customer hereby gives permission to the Bank: -

(i) The Customer agrees and authorizes the Bank to collect, process, disclose, transfer the Customer's personal data to other entities within the Muamalat Bank Group including its branches in Malaysia and other countries as well local and foreign subsidiaries and other external parties, including but not limited to the parties / bodies listed below for the maintenance, storage and retention of Customer's personal data, within or outside Malaysia, to process Customer's applications for products and services and so on to further implement the contractual agreement entered into between the Customer and any entity within the Muamalat Bank Group.

(ii) to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain the Customer's personal data to other entities

(d) Sebagai tambahan kepada yang tersebut di atas, Pelanggan dengan ini berakujanji untuk memberikan notis bertulis kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar, sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat yang diberikan kepada Bank.

23.0 Priviti kepada Perjanjian

Pelanggan dengan ini mengakui, bersetuju dan mengesahkan bahawa tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung dalam mana-mana perjanjian/ kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada perjanjian jual beli bagi pembelian harta alih atau harta tak alih yang ditandatangani antara Pelanggan dengan penjual atau mana-mana pihat ketiga di mana Bank tiada priviti kepada perjanjian/kontrak tersebut dan tidak bertanggungjawab apa-apa pun untuk melaksanakan sebarang terma atau syarat kepada perjanjian/kontrak tersebut tanpa mengira sama ada atau tidak Bank telah diberitahu berkenaan terma atau syarat tersebut, dan Bank hendaklah tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain disebabkan penolakkan atau kegagalan Bank untuk melaksanakan terma atau syarat tersebut.

24.0 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001
Sepanjang tempoh kemudahan Pelanggan berakujanji bahawa Pelanggan tidak akan:-

(i) melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam suatu transaksi yang melibatkan hasil daripada apa-apa aktiviti haram;

(ii) memperolehi, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, menukar, mengubah, membawa, menghapuskan, menggunakan, mengalihkan daripada atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil daripada apa-apa aktiviti haram;

(iii) menyembunyikan atau menghalang pembentukan sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkaitan dengan, atau pemilikan ke atas, hasil daripada apa-apa aktiviti haram.

25.0 Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Data Peribadi di bawah Akta Pekhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA")
Pelanggan dengan ini memberikan kebenaran kepada Bank:-

(i) Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan data peribadi Pelanggan kepada entiti lain dalam Kumpulan Bank Muamalat termasuk cawangannya di Malaysia dan di negara-negara lain serta anak-anak syarikat tempatan dan luar negara dan pihak luar yang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak/badan yang disenaraikan di bawah bagi penyelenggaraan, penyimpanan dan pengekalan data peribadi Pelanggan, di dalam atau di luar Malaysia, untuk memproses permohonan Pelanggan bagi produk dan perkhidmatan dan seterusnya untuk terus melaksanakan perjanjian kontrak yang dibuat di antara Pelanggan dan mana-mana entiti dalam Kumpulan Bank Muamalat.

(ii) untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindah, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan

within the Muamalat Bank Group including its branches in Malaysia and in other countries as well as local and foreign subsidiaries and other external representatives

(iii) to conduct credit checks and verification of information submitted by the Customer in the Customer's application for financing facilities or services with any credit bureau or corporation established for the purpose of collecting and providing credit or other information. The Customer also authorizes the Bank's disclosure in relation to the Customer's financial condition, account details, relationship with the Bank including credit balance to: -

a) Government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including but not limited to Bank Negara Malaysia, the Credit Bureau, the Central Credit Reference Information System ("CCRIS"), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad and Housing Credit Guarantee Company Berhad;

b) Companies related to the Bank pursuant to Section 7 of the Companies Act 2016, or any associate of the Bank or its parent company (the Bank together with related / associated companies is collectively referred to as the "Muamalat Bank Group") in facilitating business, operations, financing facilities and services provided or provided by the Bank and / or Bank Muamalat Group to the Customer

c) Parties providing services (including external service providers, lawyers, nominees, guardians, central securities depositors or registrars, debt collection representatives) to the Bank, bank representatives, consultants and professional advisors for the purpose or in connection with any action or proceedings taken for the purpose of recovering the money payable by the Customer to the Bank under these terms and conditions:

d) Any individual authorized to disclose to him or required by any law, regulation, directive or government request

(iv) The Bank may, subject to compliance with the rules of law or guidelines, use or wear any information relating to the Customer collected, compiled, or obtained by the Bank through or in any manner and by any means for such purpose as the Bank may determine

(v) The Customer also acknowledges that all personal information and data stated herein are true, up to date and accurate and in the event of any change to any personal information or data specified herein, Customer shall notify the Bank immediately.

(vi) The Customer hereby acknowledges that the Bank may request the Customer from time to time to provide personal data and personal information of the Customer and / or any third party security provider ("Individual") in

data peribadi Pelanggan kepada entiti lain dalam Kumpulan Bank Muamalat termasuk cawangannya di Malaysia dan di negara-negara lain serta anak-anak syarikat tempatan dan luar negara dan wakil luar yang lain.

(iii) bagi menjalankan pemeriksaan kredit dan pengesahan maklumat yang dikemukakan oleh Pelanggan dalam permohonan Pelanggan untuk kemudahan pembiayaan atau perkhidmatan dengan mana-mana biro kredit atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit atau maklumat lain. Pelanggan juga memberikan kebenaran kepada pendedahan Bank berhubung dengan keadaan kewangan Pelanggan, butiran akaun, hubungan dengan Bank termasuk baki kredit kepada:-

(a) Pihak berkuasa kerajaan atau regulatori di Malaysia dan di tempat lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS"), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad;

(b) Syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016, atau mana-mana syarikat bersekutu Bank atau syarikat induknya (Bank bersama-sama dengan syarikat-syarikat berkaitan / bersekutu adalah secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan Bank Muamalat") dalam memudahcara perniagaan, operasi, kemudahan pembiayaan dan perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh pihak Bank dan/atau Kumpulan Bank Muamalat terhadap Pelanggan;

(c) Pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk pembekal khidmat luar, peguam, penama, penjaga, depositori sekuriti pusat atau pendaftar, wakil pengutip hutang) kepada Bank, wakil bank, perunding dan penasihat profesional untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan semula wang yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank di bawah terma dan syarat ini;

(d) Mana-mana individu yang dibenarkan pendedahan kepadanya atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan kerajaan.

(iv) Bank boleh, tertakluk kepada pematuhan terhadap peraturan undang-undang atau garis panduan, menggunakan atau memakai apa-apa maklumat berkaitan dengan Pelanggan yang dikumpul, disusun, atau diperolehi oleh Bank melalui atau dengan apa cara dan kaedah sekalipun bagi tujuan tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

(v) Pelanggan juga mengaku bahawa semua maklumat peribadi dan data yang dinyatakan di dalam ini adalah benar, terkini dan tepat dan sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada apa-apa maklumat peribadi atau data yang dinyatakan disini, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan segera.

(vi) Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Bank boleh meminta Pelanggan dari semasa ke semasa untuk memberikan data peribadi dan maklumat penjamin peribadi Pelanggan dan/atau mana-mana penyedia sekuriti

the course of a financing contract and / or transaction with the Bank ("Third Party Personal Data").

(vii) The Customer hereby agrees to draw the individual's attention to the Privacy Notice of Bank Muamalat Group which is displayed on our website www.i-muamalat.com.my which outlines how the Bank Muamalat Group collects, uses, maintains, stores, discloses, guarantees and maintains Data Personality of the Individual.

(viii) The Customer hereby guarantees that the Customer has complied with the requirements of the PDPA and has obtained the relevant consent of the Individuals related to the processing and disclosure of their Personal Data.

(ix) The Customer warrants that the Customer has complied with the PDPA requirements and has obtained the relevant authorisation from the Individuals involved with the processing and exposure of their Private Data.

26.0 Force Majeure

Notwithstanding any provision other than those set forth herein, if the Bank is unable to carry out any operation or provide any services due to any reason beyond the control of this Bank, including but not limited to fire, earthquakes , floods, epidemics, natural disasters, accidents, riots, civil unrest, industrial disputes, acts of the enemy, embargoes, wars, natural disasters or any other factor of force (force majeure) or any failure or interruption of telecommunications , electricity, water, fuel supply, the Bank shall not be liable in any way for any inconvenience, loss, injury, damage suffered or incurred by the Customer arising from the same cause.

pihak ketiga ("Individu") dalam perjalanan kontrak pembiayaan dan/atau transaksi dengan pihak Bank ("Data Peribadi Pihak Ketiga").

(vii) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menarik perhatian Individu tersebut kepada Notis Privasi Kumpulan Bank Muamalat yang dipaparkan dalam laman web kami www.i-muamalat.com.my yang menggariskan bagaimana Kumpulan Bank Muamalat mengumpul, menggunakan, mengekalkan, menyimpan, mendedahkan, menjamin dan mengekalkan Data Peribadi Individu tersebut.

(viii) Pelanggan dengan ini memberikan waranti bahawa Pelanggan telah mematuhi keperluan PDPA dan telah mendapat persetujuan yang relevan daripada Individu yang berkaitan dengan pemprosesan dan pendedahan Data Peribadi mereka.

(ix) Pelanggan dengan ini memberikan waranti bahawa Pelanggan telah mematuhi keperluan PDPA dan telah mendapat persetujuan yang relevan daripada Individu yang berkaitan dengan pemprosesan dan pendedahan Data Peribadi mereka.

26.0 Keadaan-keadaan Luar Kawalan (Force Majeure)

Walau apa pun peruntukan selain yang tertera di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam semulajadi, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor bersifat keadaan-keadaan luar kawalan (force majeure) atau sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara ke atas sebarang kesulitan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul daripada sebab yang sama.

TERMS AND CONDITIONS FOR PERSONAL FINANCING PROMOTION

*TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI PROMOSI PEMBIAYAAN PERIBADI*

*Effective 01 February 2024 – 31 July 2024 / Berkuat kuasa 01 Februari 2024 – 31 Julai 2024*

1. *DEFINITION*

For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

(a) "BMMB" means Bank Muamalat Malaysia Berhad (Company No. 196501000376 (6175-W)), an Islamic Banking Institution incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and its registered address at Level 30, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

(b) "Structured Personal Financing (SPF) products" referring to Cash-i Muamalat Premier and Cash-i Muamalat Premier Plus product.

(c) "Personal Financing Sector 2 (PF2) products" referring to Cash-i Muamalat, Cash-i Muamalat Pro, Cash-i Muamalat Prestige, Cash-i Muamalat for Public Listed Companies Program *(NON-EEP),* Cash-i Muamalat AG/ANGKASA Salary Deduction and Cash-i Muamalat MuSS Plus.

(d) "Promotion" means promotion where details are set out in these Terms and Conditions.

(e) "Customer" means an individual which meets the specified criteria under Clause 3 and 4.

(f) "SA-i & SURIA" means the product of Savings Account-i (Tawarruq) and Mudarabah Unrestricted Investment Account (SURIA) SURIA Account (Mudarabah).

(g) "CA & FTA-i" means the product of Current Account and Fixed Term Account-i.

(h) "Calendar days" means any day in the Gregorian calendar month including weekends and public holidays.

2. *PROMOTIONAL PERIOD*

(a) Period for promotion is from 01 February 2024 until 31 July 2024.

(b) BMMB reserves its right to vary or amend the Promotional Period at any time whenever BMMB deems necessary, with 21 (twenty-one) calendar days prior notice.

3. *ELIGIBILITY & CRITERIA*

To be eligible for the Promotion, the financing amount must be RM5,000 and above. Financing application to be eligible for this promotion must be made during the promotional period.

Other terms and conditions are as per Terms and Conditions for Muamalat Personal Financing-i Tawarruq facility. (For further details, please refer to https://www.muamalat.com.my/)

**1.** *DEFINISI*

Bagi maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan- ungkapan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya: -

(a) "BMMB" bermakna Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat 196501000376 (6175-W)), Institusi Perbankan Islam yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan alamat berdaftar di Tingkat 30, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

(b) "Produk Pembiayaan Peribadi Berstruktur (SPF)" merujuk kepada produk Cash-i Muamalat Premier dan Cash-i Muamalat Premier Plus.

(c) "Produk Pembiayaan Peribadi Sektor 2 (PF2)" merujuk kepada produk Cash-i Muamalat, Cash-i Muamalat Pro, Cash-i Muamalat Prestige dan Cash-i Muamalat for Public Listed Companies Program *(NON-EEP),* Cash-i Muamalat AG/ANGKASA Salary Deduction dan Cash-i Muamalat MuSS Plus.

(d) "Promosi" bermaksud Promosi yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

(e) "Pelanggan" bermaksud individu yang memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah Klausa 3 dan 4.

(f) "AS-i & SURIA" bermaksud produk Akaun Simpanan-i (Tawarruq) dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah (SURIA).

(g) "AS & ABT-i" bermaksud Akaun Semasa dan Akaun Berjangka Tetap-i.

(h) "Hari kalendar" bermaksud mana-mana hari dalam bulan kalendar Gregorian termasuk hujung minggu dan cuti am.

2. *TEMPOH PROMOSI*

(a) Tempoh promosi bermula dari 01 Februari 2024 sehingga 31 Julai 2024.

(b) BMMB berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Promosi pada bila-bila masa yang dianggap perlu oleh BMMB, dengan notis 21 (dua puluh satu) hari kalendar sebelumnya.

3. *KELAYAKAN & KRITERIA*

Untuk layak menyertai Promosi, jumlah pembiayaan mesti RM5,000 dan ke atas. Permohonan pembiayaan untuk layak menyertai promosi ini perlu dibuat di dalam tempoh promosi.

Terma dan syarat-syarat lain adalah seperti yang tertakluk di bawah Terma dan Syarat bagi Kemudahan Muamalat Pembiayaan Peribadi-i Tawarruq. (Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke laman sesawang https://www.muamalat.com.my/)



A member of DRB-HICOM

4. *CAMPAIGN MECHANICS*
   i. For SPF products, the following conditions must be fulfilled in order to be entitled for rate reduction:
      (a) Customer must make placement in any retail deposit products e.g., SA-i, SURIA, CA or FTA-i and invest in Muamalat Gold-i (MG-i) Account.
      (b) Placement in deposit products amount is RM1,000 & above and will be earmarked for 3 months (minimum).
      (c) Customer must sign the Service Request Form to place investment in any retail deposit products in order to enjoy a promotional rate for SPF products.
      (d) Placement amount or equivalent value must be done upon disbursement of SPF products.
   ii. For PF2 products, the following conditions must be fulfilled in order to be entitled for rate reduction:
      (a) Customer must make placement in any retail deposit products e.g., SA-i, SURIA, CA or FTA-i and need to apply for BMMB's credit card or must be existing active credit cardholders.
      (b) Placement amount is RM5,000 & above and will be earmarked for 6 months (minimum).
      (c) Customer must sign the Service Request Form to place investment in any retail deposit products in order to enjoy a promotional rate for PF2 products.
      (d) Placement amount must be done upon disbursement of PF2 products.

5. *GENERAL TERMS*
   (a) Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of our campaigns and/or promotions.
   (b) By participating in the Promotion, all Eligible Participants are deemed to have read, understood and agree to be bound by these Terms & Conditions and agree that any decisions of BMMB in relation to every aspect of the Promotion shall be final and conclusive.
   (c) To participate in our campaigns and/or promotions, customers must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the promotion mechanics. Unless stated otherwise by BMMB, Customers are not required to fill in any application form to participate in the said campaign or promotion.
   (d) By participating in this Promotion and in compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, BMMB shall protect the personal data of Customers and Customers hereby:
   i. Give consent for BMMB to disclose their personal

4. *MEKANISMA KEMPEN*
   i. Bagi produk SPF, berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipenuhi pelanggan untuk mendapat pengurangan kadar:
      (a) Pelanggan mesti membuat peletakan dalam mana-mana produk deposit cth. AS-i, SURIA, AS atau ABT-i dan melabur di Akaun Muamalat Gold-i (MG-i).
      (b) Nilai peletakan dalam produk deposit ialah RM1,000 & ke atas dan akan dikekalkan selama 3 bulan (minimum).
      (c) Pelanggan mesti menandatangani "Service Request Form" untuk melabur dalam mana-mana produk deposit bagi menikmati kadar promosi produk SPF.
      (d) Nilai peletakan atau nilai setara mesti dilakukan selepas pengeluaran produk SPF.
   ii. Bagi produk PF2, berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipenuhi pelanggan untuk mendapat pengurangan kadar:
      (a) Pelanggan mesti membuat peletakan dalam mana-mana produk deposit cth. AS-i, SURIA, AS atau ABT-i dan memohon kad kredit BMMB atau pemegang kad kredit sedia ada yang aktif.
      (b) Nilai peletakan ialah RM5,000 & ke atas dan akan dikekalkan selama 6 bulan (minimum).
      (c) Pelanggan mesti menandatangani "Service Request Form" untuk melabur dalam mana-mana produk deposit bagi menikmati kadar promosi produk PF2.
      (d) Nilai peletakan mesti dilakukan selepas pengeluaran produk PF2.

5. *TERMA-TERMA AM*
   (a) Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen dan/atau promosi kami.
   (b) Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, pelanggan yang layak di anggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat serta bersetuju dengan segala keputusan pihak BMMB di dalam setiap aspek Promosi adalah muktamad dan konklusif.
   (c) Untuk mengambil bahagian di dalam kempen dan/atau promosi kami, Pelanggan mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Promosi. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak BMMB, Pelanggan tidak perlu melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.
   (d) Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini dan dalam mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak BMMB akan memelihara data peribadi Pelanggan dan Pelanggan dengan ini:
   i. Membenarkan pihak BMMB untuk mendedahkan

data to the BMMB's service provider to the extent necessary for the purpose of this Promotion;

ii. Agree to BMMB's decision on all matters related to the Promotion.

(e) BMMB and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prizes won through the Promotion and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the Customers caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Promotion or their participation in the Promotion or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of BMMB whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. BMMB shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond BMMB's control with regard to this Promotion or anything related thereto unless such matters are attributed by BMMB's gross negligence and willful misconduct.

(f) All parties are expected to understand and comply with the Malaysia Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). BMMB reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof.

(g) The Promotion is subject to all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 ("IFSA") and Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ("AMLA").

(h) BMMB reserves the rights to amend, cancel, terminate, suspend the Promotion by providing a sufficient notice not less than 21 (twenty-one) calendar days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at BMMB's branches and website at www.muamalat.com.my. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by BMMB of the Promotion shall not entitle customers who participate in this Promotion to any claim or compensation against BMMB for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan BMMB setakat mana yang perlu untuk tujuan Promosi ini;

ii. Bersetuju dengan keputusan BMMB terhadap semua perkara berkaitan dengan Promosi ini;

(e) BMMB dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Promosi ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan Pelanggan dalam Promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari pihak BMMB, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. BMMB tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan BMMB dalam pentadbiran dan pemprosesan Promosi ini melainkan perkara tersebut adalah disebabkan oleh kecuaian besar dan tindakan salahlaku yang disengajakan oleh pihak BMMB.

(f) Semua pihak perlu memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan). BMMB berhak untuk melaporkan tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk menghentikan transaksi ini.

(g) Promosi ini adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang termaktub di dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

(h) BMMB berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada 21 (dua puluh satu) hari kalendar sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan BMMB mahupun di laman sesawang BMMB www.muamalat.com.my. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Promosi oleh pihak BMMB, tidak membolehkan pelanggan-pelanggan yang menyertai Promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap BMMB bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan sama ada secara

(i) Customers are advised to access BMMB's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any changes or variation to the Terms and Conditions thereof.

(j) The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM), Shariah Advisory Council of BNM and other relevant bodies and authority, in force from time to time and customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

(k) For more information, please visit Bank Muamalat branches or call our Contact Centre and Customer Care at 03 2600 5500 or visit our website at http://www.muamalat.com.my

langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

(i) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang BMMB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat.

(j) Semua Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Penasihat Syariah BNM dan badan-badan dan pihak berkuasa lain yang relevan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dan pelanggan bersetuju dengan untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

(k) Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Muamalat atau hubungi kami di 03 2600 5500 atau layari laman sesawang kami di http://www.muamalat.com.my

*(Applicable for SURIA Investment Account-Mudarabah)*
WARNING:
THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND IAH RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL. IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, IAH MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM.
*(Terpakai untuk Akaun Pelaburan SURIA-Mudarabah)*
AMARAN:
PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PAP MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.
*(Applicable for Savings Account-i Tawarruq) / (Terpakai untuk Akaun Simpanan-i Tawarruq)*
Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor / Setiap pendeposit dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,00